

PANDUAN UNTUK PEMERIKSAAN FASILITI PEMBIAKBAKAAN KURUNGAN DAN PERANCOAN



Edisi pertama, Februari 2017

Disediakan menurut kontrak bagi Sekretariat CITES oleh Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Semulajadi (IUCN), Rue Mauverney 28, 1196 Gland, Switzerland.

Ditulis oleh Jessica A. Lyons, Robert W. G. Jenkins dan Daniel J. D. Natusch

Dihasilkan dengan sokongan kewangan daripada Kesatuan Eropah

Pengeluaran semula penerbitan ini bagi tujuan pendidikan atau bukan komersial tanpa memerlukan kebenaran pemegang hak cipta dibenarkan.

Pengeluaran semula bagi penjualan semula atau tujuan komersial lain dalam apa-apa cara - fotografi, elektronik atau mekanikal, termasuklah membuat salinan foto, rakaman, pemitaan atau penyimpanan maklumat dan sistem dapatan semula – tidak dibenarkan tanpa izin bertulis terlebih dahulu daripada pemegang hak cipta.

Penandaan geografi yang digunakan dalam buku ini tidak membayangkan apa-apa pendapat sekalipun pihak penyusun atau Sekretariat CITES mengenai status undang-undang mana-mana negara, wilayah atau kawasan, atau mengenai persempadanan perbatasan atau sempadannya.

Sekretariat CITES

**Maison internationale de l'environnement
Chemin des Anémones
CH-1219 Châtelaine, Genève
Switzerland**

Tel: +41 (0) 22 917 8139/40

Faks: +41 (0) 22 797 34 17

Emel: info@cites.org

Web: www.cites.org

Penghargaan daripada penulis

Panduan ini telah banyak menerima manfaat daripada perundingan dengan pakar yang mempunyai pengetahuan baik tentang pembiakbakaan dan penyimpanan taksa berlainan dalam fasiliti komersial, zoo dan koleksi peribadi. Kami ingin mengucapkan terima kasih terutamanya kepada Bill Hughes, Francois Le Berre, Yuri Lukin, Vladimir Odinchenko, Buntje Soetanto, Richard Struijk dan Peter Paul van Dijk kerana meluangkan masa mereka dan memberi maklumat yang telah menambah baik rangka kerja panduan ini.

Kami juga mengucapkan terima kasih kepada orang ramai di Negara lingkungan yang terlibat dengan perancoan dan pembiakbakaan kurungan mamalia, burung, reptilia, ikan, dan invertebrata yang bermurah hati memberi maklumat berguna untuk kami menyiapkan panduan ini. Selain itu, kami mengucapkan terima kasih kepada kakitangan beberapa Pihak Berkuasa Pengurusan dan Saintifik CITES yang berkongsi pengalaman tentang cabaran sedia ada semasa memeriksa fasiliti bagi taksa yang berlainan.

Akhir sekali, kami mengucapkan terima kasih kepada Dena Cator dan Richard Jenkins dari IUCN kerana memudahkan kerja dan memberi ulasan bagi menambahbaik dokumen muktamad, dan Claire Beastall dari TRAFFIC Asia Tenggara atas usaha beliau menghasilkan rangka kerja bagi borang pengumpulan data yang merupakan sebahagian usaha sama terdahulu.

BAHAGIAN 1. PENDAHULUAN

Haiwan yang dibiakbakakan atau dibesarkan di dalam persekitaran kurungan terkawal dan bebas daripada populasi liar dengan pemerolehan sesekali spesimen liar untuk mengelak pembiakbakaan dalam boleh didagangkan tanpa menjejaskan populasi liar. Bagi spesies terancam, pengurangan tekanan tuaian ke atas populasi liar dan perdagangan spesimen pembiakbakaan kurungan boleh memberi manfaat kepada pemulihan dan pemuliharaan populasi liar yang telah berkurangan dengan banyak. Dengan cara yang sama, perancoan spesies untuk perdagangan, yang telur atau juvenilnya mempunyai kebarangkalian kemandirian dalam habitat liar yang sangat rendah akan dituai dan dibela dalam kurungan dalam satu sistem pengeluaran yang selamat di sisi biologi sekali gus memberi manfaat kepada pemuliharaan populasi liar.

Ada kemungkinan hakiki bagi suatu fasiliti menerima dan mengubah spesimen yang diperoleh secara haram dari habitat liar melainkan kawalan yang bersesuaian dikenakan terhadap operasi pembiakbakaan kurungan dan perancoan. Bagi mengelakkan ini dari berlaku, Pihak Berkuasa Pengurusan CITES dan agensi kawal selia kerajaan lain yang berkaitan berperanan penting untuk menjalankan pemeriksaan berkala yang berkesan bagi semua operasi di bawah bidang kuasa mereka yang menghasilkan spesimen spesies untuk perdagangan.

Pegawai berkuasa yang bertanggungjawab untuk memeriksa suatu fasiliti haruslah biasa dengan spesies dalam kurungan yang diurus oleh fasiliti itu. Pemeriksaan harus didahului dengan kajian tentang latar belakang biologi spesies berkenaan. Sebagai contoh, maklumat mutakhir mengenai biologi dan status pelbagai spesies yang disenarai oleh CITES boleh didapati di www.iucnredlist.org. Ini sangat penting sewaktu menjalankan pemeriksaan awal suatu fasiliti atau dalam keadaan di mana fasiliti yang sudah mantap mengubah pengurusan atau melebarkan sayap operasinya untuk memasukkan spesies baru. Jika boleh, sewaktu menjalankan pemeriksaan, kakitangan Pihak Berkuasa Pengurusan hendaklah diiringi oleh seorang wakil dari Pihak Berkuasa Saintifik atau sekurang-kurangnya seorang pakar bebas yang diberikuasa.

Pemeriksaan yang dilaksanakan dengan tekun akan memastikan fasiliti itu:

- Tertubuh secara sah di sisi undang-undang, dan beroperasi dengan mematuhi sepenuhnya perundangan negara yang berkaitan;
- Menghasilkan spesimen pembiakbakaan kurungan tanpa pengimbuhan biasa spesimen liar yang ditangkap atau pemerolehan spesimen secara haram; dan
- Mampu menghasilkan spesimen dalam jumlah yang boleh diakui sebagai pembiakbakaan kurungan atau perancoan.

Pemeriksaan berkala setiap fasiliti, bersama nombor dan jenis spesies yang dihasilkan dan dieksport oleh fasiliti itu, perlu dijalankan dengan teliti dan tekun. Pemeriksaan perlu disertakan dengan rekod simpanan yang jitu oleh Pihak Berkuasa Pengurusan. Ini akan membolehkan kod sumber yang betul diberikan untuk Permit Eksport CITES, yang akan memudahkan perdagangan tanpa gangguan yang sah dan tidak memudaratkan spesimen biak baka kurungan dan/atau ladang ternak dalam senarai spesies CITES supaya mudah diterima oleh rakan dagangan serta tidak tertakluk kepada gangguan supaya ketepatan dokumen eksport dapat ditentusahkan.

Panduan ini dimodelkan berdasarkan dan dilengkapi dengan pemeriksaan komprehensif dan dokumen panduan bagi fasiliti pembiakbakaan kurungan reptilia di Asia Tenggara, yang telah ditugaskan oleh Sekretariat CITES dan disempurnakan oleh TRAFFIC (2013). Panduan ini memberi contoh cara rangka kerja umum yang dikemukakan di dalam ini boleh disesuaikan menjadi lebih khusus kepada sistem pengeluaran dan spesies yang menjadi perhatian. Manual pemeriksaan reptilia boleh didapati di sini: <https://cites.unia.es/cites/file.php/1/files/cb-captive-breeding-manual-en.pdf>

BAHAGIAN 2. CARA MENGGUNAKAN MANUAL PEMERIKSAAN INI

Manual ini memberi panduan kepada pengguna berkenaan tiga langkah pemeriksaan suatu fasiliti:

- Sebelum pemeriksaan fasiliti;
- Semasa pemeriksaan fasiliti; dan
- Selepas pemeriksaan fasiliti.

Maklumat yang dikumpulkan sewaktu tiga langkah tersebut perlu dibandingkan untuk menentukan kesahihan dakwaan fasiliti berkenaan pembiakbakaan kurungan dan/atau perancoan. Amat mustahak untuk agensi kawal selia yang bertanggungjawab menyimpan rekod pemeriksaan yang terperinci dan jitu, untuk pemantauan dan penilaian tahap pengeluaran tahunan jangka panjang serta prestasi pengurusan secara keseluruhan.

Arahan terperinci dan borang pengumpulan data untuk setiap langkah ada disediakan. Mulakan prosedur di **LANGKAH 1: SEBELUM PEMERIKSAAN FASILITI**. Pastikan semua tugas dan langkah telah dilengkapkan sebelum ke langkah seterusnya.

LANGKAH 1: SEBELUM MEMBUAT PEMERIKSAAN FASILITI

Tujuan panduan ini adalah untuk menyediakan rangka kerja umum bagi pihak Pengurusan CITES tempatan dan Pihak Berkuasa Saintifik, dan agensi lain yang berkaitan, untuk membantu dalam menilai fasiliti yang mendakwa menghasilkan spesimen yang dibiakbaka dalam kurungan dan/atau ditenak dan menilai keupayaan mereka untuk menghasilkan bilangan spesimen yang didagangkan setiap tahun. Pemeriksaan fasiliti perancoan dan pembiakbakaan kurungan yang objektif dan kerap hendaklah sebaiknya dijalankan setiap tahun sebagai sebahagian daripada pelan kerja Pihak Berkuasa Pengurusan dan adalah penting untuk memastikan syarat berkanun Konvensyen dipenuhi.

A. Masa pemeriksaan

Jika pengendalian adalah berlesen, atau mendakwa bahawa ternakan atau pembiakbakaan spesies adalah dalam kurungan, tujuan utama pemeriksaan kawal selia adalah untuk mengesahkan keaslian dan kesahihan pengendalian. Maka, pemeriksaan tersebut amat penting, bila-bila masa mungkin, dijalankan serentak dengan aktiviti utama (atau peristiwa) yang mencirikan (atau menentukan) rejim pengurusan yang dipraktik (iaitu perancoan dan/atau pembiakbakaan dalam kurungan).

Bagi spesies yang sedang ditenak dan/atau dibiakkan dalam kurungan, pemeriksaan hendaklah serentak dengan:

- Pengumpulan dan penetasan telur dan/atau perancoan neonat liar yang ditangkap dan dihantar ke fasiliti untuk pengeraman dan/atau perancoan bagi pengendalian perancoan; atau
- Penghasilan dan penetasan telur dan/atau kelahiran dalam kawasan bagi pengendalian pembiakbakaan dalam kurungan kitaran tertutup.

B. Persediaan pra-pemeriksaan (perlu disiapkan 24 jam sebelum pemeriksaan)

Langkah berikut perlu dilaksanakan sebagai langkah persediaan untuk membuat pemeriksaan fasiliti yang menghasilkan, menyimpan dan mengeksport spesimen dengan niat untuk mengeksport baka yang dihasilkan.

1. Memeriksa rekod sedia ada bagi memastikan fasiliti tersebut didaftar secara sah untuk menjaga, membiak atau menternak spesies berkenaan. Mengesahkan bahawa tiada pelanggaran yang sedang di siasat oleh pegawai penguatkuasa.
2. Daripada rekod dan pemeriksaan terdahulu, tentukan jenis pengurusan kurungan yang dipraktikkan oleh fasiliti tersebut (contohnya pembiakbakaan kurungan, perancoan dan/atau tuaian liar). Kebanyakan fasiliti menggabungkan beberapa (atau semua) pengurusan rejim sebelum ini. Pemeriksaan terhadap fasiliti ini memerlukan proses penelitian lebih terperinci bagi memastikan pematuhan kepada bentuk pengurusan yang lebih tegas seperti pembiakbakaan dalam kurungan dan perancoan. Bagi pengendalian yang baru ditubuhkan, Pihak Berkuasa Pengurusan dan Pihak Berkuasa Saintifik perlu menjalankan pemeriksaan bersama. Pemeriksaan awal perlu ketat, supaya dapat mewujudkan maklumat asas yang terperinci tentang jenis pengurusan kurungan yang dipraktikkan dan bilangan spesimen yang ada, agar dapat dijadikan perbandingan bagi pemeriksaan berikutnya.
3. Menyemak rekod yang sedia ada untuk menentukan spesies yang ada dengan fasiliti itu dan jenis spesimen (haiwan hidup, kulit, dan lain-lain) dan kuantiti (bilangan atau berat) yang telah dieksport sebelum ini. Rekod maklumat ini di BORANG 1 (halaman 11).
4. Untuk menganggar bilangan spesimen yang berbeza peringkat hidup atau kelas tahun yang harus ada semasa pemeriksaan, lengkapkan Kalkulator Kapasiti Pengeluaran (halaman 7) berdasarkan maklumat yang diperolehi semasa pemeriksaan terakhir atau, jika tersedia, maklumat yang lebih terkini. Perhatikan bahawa bilangan spesimen yang boleh ada adalah jumlah pengeluaran tahun-tahun sebelumnya tolak bilangan yang telah dijual/dieksport oleh fasiliti dan mortaliti purata semasa pertumbuhan kelas tahun. Inilah sebab pentingnya untuk maklum serta mempunyai akses kepada maklumat sebelum ini mengenai pemeriksaan dan pengambilan, penjualan dan eksport spesimen.
5. Pastikan bahawa semua borang pemeriksaan yang diperlukan dan alat tulis dibawa semasa membuat lawatan pemeriksaan bagi mengelak kesulitan untuk mengingat maklumat penting. Jika boleh, gunakan kamera digital untuk menyokong butiran bertulis semasa pemeriksaan.

6. Sebaiknya, dua orang pegawai perlu menjalankan pemeriksaan untuk memastikan objektif tercapai dan bagi mengelakkan sebarang kompromi sekiranya terdapat percanggahan atau kejanggalan.


LANGKAH 1 TUGASAN YANG PERLU DILENGKAPKAN (tanda dalam petak apabila selesai)

- ☐ Pastikan pemilik atau pengurus fasiliti akan hadir di fasiliti untuk pemeriksaan.
- ☐ Pastikan pemilik atau pengurus fasiliti maklum mengenai maklumat yang diperlukan dan bersedia untuk memberi rekod stok (seperti salinan permit untuk menjaga, rekod pembiakbakaan, dan lain-lain).
- ☐ Dengan menggunakan maklumat daripada pemeriksaan sebelumnya, lengkapkan BORANG 1 (halaman 11) berkaitan dengan spesies yang fasiliti tersebut didaftarkan untuk disimpan dan bilangan spesimen yang dikurung. Jika tiada maklumat tersebut, pemeriksaan ini dianggap sebagai pemeriksaan awal dan BORANG 1 hendaklah dilengkapkan semasa lawatan tersebut.
- ☐ Lengkapkan Kalkulator Kapasiti Pengeluaran berdasarkan maklumat sedia ada (halaman 7).
- ☐ Pastikan anda mempunyai bahan untuk mencatat (pensel, buku nota, pembaris), laporan pemeriksaan sebelum ini (jika ada) dan kamera digital (jika ada).

KALKULATOR KAPASITI PENGELUARAN

Kalkulator ini membolehkan pemeriksa menganggarkan purata bilangan individu yang boleh dihasilkan oleh fasiliti tersebut secara objektif berdasarkan jumlah betina (pembiakbakaan) dewasa dan purata bilangan kegiatan pembiakbakaan setahun. Pengiraan tersebut perlu disiapkan sebelum melakukan pemeriksaan (gunakan maklumat pemeriksaan sebelum ini dan laporan rasmi eksport dan lain-lain). Pengiraan perlu diulang dengan menggunakan bilangan stok yang diperhatikan semasa membuat pemeriksaan ini. Pengiraan ini boleh dibalikkan (cth, dengan menggunakan bahagi), untuk menentukan bilangan stok betina bagi memenuhi pengeluaran laporan tahunan.

Dalam gambar rajah di bawah, mulakan dengan kotak merah dan akhiri dengan kotak kuning bagi melengkapkan pengiraan kapasiti pengeluaran sebelum dan selepas pemeriksaan berdasarkan pengeluaran yang dilaporkan oleh pihak fasiliti. Teks penerangan disediakan di bawah rajah.



PARAMETER PEMBIAKBAKAAN	MAKLUMAT YANG DIMASUKKAN KE DALAM PENGIRAAN PENGELUARAN
# pembiak betina	Jumlah keseluruhan bagi pembiak betina yang diperhatikan atau didakwa ada di fasiliti. Masukkan sebagai nombor bulat Contoh, 50.
% purata pembiakbakaan betina dalam satu musim	Purata peratusan (perkadaran) bagi betina yang menghasilkan satu sangkak atau eraman setiap tahun. Maklumat ini boleh dibekalkan oleh fasiliti, tetapi harus disahkan menggunakan sumber luaran yang boleh dipercayai. Contoh, masukkan 70% sebagai 0.7
Jumlah purata kelahiran/pengeraman setahun	Bilangan purata kelahiran/pengeraman yang dihasilkan oleh pembiak betina setahun. Maklumat ini boleh dibekalkan oleh fasiliti, tetapi harus disahkan menggunakan sumber luaran yang boleh dipercayai. Masukkan sebagai nombor bulat, contoh 2.
Jumlah purata anak/telur bagi setiap kelahiran/pengeraman	Maklumat ini boleh dibekalkan oleh fasiliti, tetapi harus disahkan menggunakan sumber luaran yang boleh dipercayai. Masukkan sebagai nombor bulat, seperti 20.
¹ % purata yang hidup selepas dua minggu	Bilangan minimum telur atau anak hidup yang dihasilkan yang bertahan dua minggu selepas penetasan atau kelahiran. Masukkan sebagai peratus (bagi anak yang hidup) Contoh, masukkan 80% sebagai 0.8
# bagi anak setahun di pemeriksaan fasiliti	Jangkaan jumlah anak yang diperhatikan atau jumlah stok betina yang didakwa terhasil setiap tahun.

LANGKAH 2: SEMASA PEMERIKSAAN FASILITI

A. Mesyuarat bersama pemilik atau pengurus fasiliti

1. Apabila tiba di fasiliti berkenaan, jumpa dengan pemilik atau pengurus fasiliti. Berikan penjelasan bagi tujuan pemeriksaan dan sahkan semula pelbagai jenis maklumat yang perlu dikumpul.
2. Sahkan maklumat yang digunakan sebagai data terkumpul **BORANG 1** dengan pemilik atau pengurus fasiliti berdasarkan maklumat daripada pemeriksaan sebelumnya atau rekod perdagangan. Kemas kini borang sewajarnya.
3. Perhatikan maklumat yang terkandung dalam **BORANG 1** mengenai bilangan spesimen sebelum ini dan aktiviti perdagangan lalu fasiliti itu. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pemilik atau pengurus fasiliti, lakukan perbandingan dan penilaian jika disokong oleh apa yang diperhatikan semasa pemeriksaan fizikal.

B. Pemeriksaan fasiliti

1. Periksa fasiliti dengan pemilik dan/atau pengurus. Apabila menjalankan pemeriksaan pastikan anda mengambil gambar spesimen dari semua peringkat hidup, fasiliti kandang atau kurungan, stor makanan dan/atau kawasan penyediaan dan tempat pengeraman.
2. Lengkapkan soalan-soalan dalam **BORANG 2-4**, dengan mengingat tahap pengeluaran fasiliti berkenaan yang telah disebut oleh pemilik atau pengurus.
3. Dengan menggunakan maklumat yang diperoleh dalam **BORANG 2-4**, lengkapkan **Penentuan Sumber** (halaman 9) untuk mengenal pasti sumber yang betul bagi spesimen di fasiliti tersebut.
4. Selepas menjalankan pemeriksaan fizikal stok kurungan dan fasiliti, pegawai Pihak Berkuasa Pengurusan dan wakil Pihak Berkuasa Saintifik perlu berjumpa dengan pemilik atau pengurus operasi untuk memeriksa rekod dan membincangkan sebarang isu yang berkaitan dengan pemeriksaan.

TUGASAN YANG PERLU DISIAPKAN:


- ☐ Lengkapkan pengumpulan data BORANG 2-4 (halaman 11-14).
- ☐ Lengkapkan Penetapan Sumber (halaman 9).

NOTA DALAM BORANG PENGUMPULAN DATA

1. Borang pengumpulan data yang disertakan dengan manual ini adalah untuk merekodkan maklumat penting tentang fasiliti yang sedang diperiksa, serta bilangan dan jenis spesimen yang ditenak atau dibiakkan di fasiliti itu. Pengetahuan terakru tentang fasiliti dari semasa ke semasa memberikan maklumat asas yang berguna bagi perbandingan dan pengesanan aktiviti haram yang berpotensi di masa hadapan. Semua borang data perlu dicetak sebelum setiap pemeriksaan.
2. BORANG 1 (halaman 11) harus diisi sebelum pemeriksaan fasiliti menggunakan maklumat daripada lawatan sebelumnya. Pemeriksa boleh menggunakan maklumat ini untuk membiasakan diri dengan fasiliti berkenaan sebelum pemeriksaan dijalankan dan untuk menyediakan satu asas rujukan untuk setiap dakwaan fasiliti berbanding apa yang diperhatikan.
3. BORANG 2 (halaman 12) bertujuan untuk mengumpul maklumat latar belakang tentang fasiliti dan perlu diisi semasa pemeriksaan.
4. BORANG 3 (halaman 13) bertujuan untuk mengumpul maklumat terperinci tentang SETIAP spesies yang dibiak atau ditenak di fasiliti dan perlu diisi semasa pemeriksaan.
5. BORANG 4 (halaman 14) hendaklah sebahagiannya diisi semasa pemeriksaan dan dilengkapkan sepenuhnya selepas itu. Gunakan borang ini untuk membuat penentuan muktamad tentang fasiliti itu dengan menskor satu set soalan dan membandingkannya dengan Jadual 2 di halaman 14 garis panduan ini. BORANG 4 juga akan membantu menentukan kod sumber yang sesuai untuk spesimen yang didagangkan oleh fasiliti.

PENETAPAN SUMBER

1. Bagi menentukan sumber spesimen yang didagangkan oleh sesuatu fasiliti, dapatkan penjelasan daripada pengurus fasiliti berkenaan proses pengeluaran dan rekod maklumat yang diberikan dalam bahagian tentang perancoan dan pembiakbakaan dalam kurungan dalam BORANG 3.
2. Untuk mententusahkan sumber spesimen secara bebas, lengkapkan carta Sumber di bawah, bermula di tanda hitam "X" dan jawab setiap soalan dengan 'Ya' atau 'Tidak'.
3. Carta Sumber harus digunakan bersama-sama dengan keputusan senarai semak fasiliti yang disediakan dalam BORANG 4.
4. Teks penerangan disediakan di bawah carta Sumber untuk membantu dalam menjawab setiap soalan.



NOTA PENERANGAN BAGI SOALAN 1 – 3

1. Suatu populasi kurungan spesimen dewasa merupakan ciri penting bagi mana-mana operasi pembiakbakaan dalam kurungan. Spesimen dewasa hendaklah ditanda mengikut kesesuaian {wajib bagi spesies dalam senarai Lampiran-I [Resolusi Conf. 12.10 (Semakan. CoP15)]} dan perlu ditempatkan di dalam fasiliti kandang atau kurungan yang selamat yang berasingan dari populasi stok perancoan juvenil. Walau bagaimanapun, pengasingan stok dewasa daripada stok lain mungkin tidak sesuai bagi semua jenis spesies (contohnya burung sosial dan sesetengah mamalia)
2. Fasiliti kandang atau kurungan haruslah mempunyai pasir, lumpur atau debu untuk meletakkan telur buaya atau penyu, kotak sarang bagi burung, ular dan mamalia kecil, lubang untuk mamalia atau biawak atau tumbuh-tumbuhan yang sesuai dan substrat untuk ikan akuarium, amfibia dan invertebrata. Sesetengah spesies, terutamanya mamalia yang besar (seperti ungulat, beruang, harimau) memerlukan fasiliti dan kandang yang cukup untuk mengasingkan betina yang bunting dan yang menyusukan anak daripada populasi haiwan dewasa. Akhir sekali, dalam sesetengah kes, fasiliti khusus bagi pengeraman telur atau fasiliti makmal dan doktor haiwan untuk menggalakkan proses bertelur (contohnya ikan) juga perlu ada. Bagi spesies yang tidak memerlukan sebarang fasiliti khusus untuk membiak, jawab "Ya".
3. Setelah berunding dengan wakil Pihak Berkuasa Saintifik, pegawai Pihak Berkuasa Pengurusan dengan menggunakan Kalkulator Kapasiti Pengeluaran (halaman 7) perlu menentukan sama ada bilangan dewasa yang dicerap mampu menghasilkan bilangan telur dan/atau neonat seperti yang dicerap atau dilaporkan. Jumlah bilangan pembiak betina perlu direkodkan untuk menganggar dengan lebih tepat tahap pembiakbakaan tahunan.

MAKLUMAT LATAR BELAKANG DARIPADA PEMERIKSAAN TERKINI

(Untuk disusun oleh Pihak Berkuasa Pengurusan daripada rekod sedia ada)

Tarikh pemeriksaan: _____ Nama pegawai pemeriksa kanan: _____

Nama fasiliti: _____

Tarikh pemeriksaan terakhir: _____

Spesies manakah yang fasiliti telah mendaftar bagi penghasilan eksport:

Nama Saintifik	Jumlah bilangan spesimen pada pemeriksaan terakhir	# pembiak dewasa (kenal pasti yang mana berkenaan # pembiak betina) pada pemeriksaan terakhir	# spesimen dijual / dieksport sejak pemeriksaan terakhir	*Kod Sumber Seperti tercatat untuk permit eksport sebelumnya

*Takrif kod sumber *Lawati www.cites.org untuk takrif lanjut*

R – telur dikumpul daripada habitat liar atau juvenil yang dibesarkan dalam kurungan.

C – Spesies yang tersenarai dalam Lampiran II yang dibiakbakakan dalam kurungan bagi tujuan komersial atau spesies yang tersenarai dalam Lampiran I yang dibiakbakakan dalam kurungan untuk tujuan bukan komersial.

D – Spesies yang tersenarai dalam Lampiran I yang dibiakbakakan dalam kurungan bagi tujuan komersial.

Langkah seterusnya: **Lengkapkan Borang 2 berkenaan fasiliti.**

MAKLUMAT AM MENGENAI FASILITI

Tarikh pemeriksaan: _____ Nama pegawai pemeriksa kanan: _____

Nama fasiliti: _____

Nama dan jawatan kesemua pegawai pemeriksa yang hadir:

1. _____

2. _____

Jenis pemeriksaan:

☐ Awal

☐ Rutin

☐ Susulan *(jika terdapat percanggahan atau anomali, dikesan semasa pemeriksaan sebelum ini, belum dijelaskan)*

Tarikh pemeriksaan terakhir: _____

Nama fasiliti pedagang: _____

Pemilik fasiliti: _____

Alamat fasiliti dan maklumat untuk dihubungi: _____

Tahun fasiliti ditubuhkan: _____

Berapakah jumlah kakitangan yang bekerja di fasiliti?

Sepenuh masa Sambilan

Nama dan jawatan kakitangan fasiliti yang mengiringi pegawai pemeriksa:

Adakah operasi ini mempunyai akses kepada perkhidmatan veterinar professional? Ya ☐ Tidak ☐

Jika ya, apakah nama dan alamat vet tersebut? _____

Adakah syarikat ini menyimpan haiwan di tempat lain? Ya ☐ Tidak ☐

Jika ya, di mana? _____

Jika ya, aturkan pemeriksaan di lokasi itu secepat mungkin

Langkah seterusnya: **Lengkapkan Borang 3 untuk spesies khusus.**

MAKLUMAT SPESIES

(untuk dilengkapi secara berasingan untuk setiap spesies di fasiliti)

Tarikh pemeriksaan: _____ Nama pegawai pemeriksa kanan: _____

Nama fasiliti: _____ Spesies : _____

*Tarikh pertama kali spesies diperoleh? _____ Sumber dan tahap
kematangan stok awal? _____

Bilangan stok awal, dan jantina, jika diketahui _____ Jantan? Betina?

*Adakah terdapat penambahan haiwan sejak stok awal diperoleh? Jika ya, dari mana?

Adakah anda **MEMBIAK BAKA** spesies ini? Ya ☐ Tidak ☐

Bilakah operasi pembiakbakaan
dimulakan? _____

kelahiran / pengeraman
setiap tahun? _____

anak / telur bagi setiap
kelahiran / pengeraman? _____

kelahiran /pengeraman
pada tahun lepas? _____

Adakah anda **MELADANG TERNAK** spesies ini?

Ya ☐ Tidak ☐

Apakah tahap kematangan
ketika diambil? _____

pengambilan pada tahun
sebelumnya? _____

STOK BAKA INDUK	Maklumat fasiliti	Kiraan pemeriksa (dimana mungkin)
Bilangan induk yang ada?		
Bilangan jantan yang ada?		
Bilangan betina?		
Berapa % betina membiak setiap satu tahun?		
Apakah makanan yang diberikan kepada haiwan dewasa? _____		

STOK PELIHARAAN (KOMBINASI HAIWAN DIBIAK BAKA DAN DITERNAK)	Maklumat fasiliti	Kiraan pemeriksa (dimana mungkin)
Bilangan juvenil?		
Usia pada kematangan seksual (tahun)?		
Saiz atau jisim pada kematangan seksual (cm atau g)?		
Saiz semasa jualan (cm atau g)		
Apakah peratusan juvenil yang mandiri melepasi 2 minggu? <i>Termasuk mortaliti telur yang tidak menetas.</i>		
Apakah makanan yang diberikan kepada haiwan ternakan dan juvenil? _____		

* Pemeriksa hendaklah memastikan spesimen diperoleh secara sah dan mematuhi CITES. Dalam kes spesimen Lampiran I, invoice dan/atau bil jualan mesti disediakan.

Jadual 1. Teks penerangan sebagai panduan untuk melengkapkan soalan dalam BORANG 4.

Q#	Penerangan
A.	Fasiliti perlu mempunyai permit untuk menyimpan spesies yang dicerap semasa pemeriksaan. Ini termasuklah spesies yang tidak dibiakkan untuk eksport komersial tetapi untuk simpanan peribadi.
B.	Aktiviti luar biasa yang dicerap semasa pemeriksaan perlulah diambil perhatian. Ini termasuklah, tetapi tidak terhad kepada: penafian pegawai pemeriksaan kawasan fasiliti (yang mungkin digunakan untuk menempatkan spesimen yang tidak dibenarkan untuk didagang atau fasiliti itu tidak mempunyai lesen untuk menyimpan); bukti penghantaran bagi spesimen yang tidak dibenarkan untuk didagang; dan pengurus atau pemilik fasiliti tidak mampu menyediakan maklumat tentang spesimen yang disimpan di fasiliti itu atau tahu tempat untuk mendapatkan maklumat tersebut.
C.	Fasiliti kandang atau kurungan yang sesuai hendaklah: Mencegah spesimen daripada terlepas ke habitat semula jadi; Mencegah spesimen liar masuk ke dalam fasiliti dan fasiliti kandang atau kurungan bercampur dengan spesies pembiakan kurungan; dan Menyediakan kemudahan yang diperlukan bagi tumbesaran dan perkembangan spesies khusus. Fasiliti kandang atau kurungan yang sesuai bagi spesies khusus termasuklah sangkar dawai, akuarium kaca, kolam (contoh bagi penyu dan ikan), terarium (contoh bagi reptilia), aviari (contoh bagi burung), laman dan kawasan ragut berpagar (contoh bagi mamalia). Mungkin terdapat juga keperluan bahan binaan khusus dan ketinggian minimum bergantung kepada spesies. Struktur dan fasiliti yang cukup perlu disediakan dalam setiap kandang untuk tumbesaran haiwan yang sihat, seperti mangkuk atau dulang makanan dan air, kawasan bersembunyi dan berjemur yang cukup, kawasan basah dan kering yang sesuai untuk spesies amfibia, pencahayaan dan suhu yang sesuai dan lain-lain.
D.	Fasiliti kandang dan kurungan yang sesuai haruslah mempunyai peralatan yang cukup, struktur dan kawasan untuk haiwan pembiakbakaan hidup. Fasiliti kandang atau kurungan yang cukup untuk menghasilkan bilangan anak dan/atau spesimen seperti yang didakwa oleh pihak fasiliti perlu disediakan.
E.	Penyelenggaraan rekod ialah perkara penting dalam mengurus operasi pembiakbakaan kurungan dan/atau perancoan. Fasiliti perancoan dan pembiakbakaan kurungan yang asli selalunya menyimpan rekod kesemua stok, amalan perancoan umum dan rawatan terhadap sebarang penyakit atau spesimen yang cedera. Lain-lain rekod mungkin disimpan: Kematian dan pelupusan spesimen yang telah mati; Penghasilan stok tahunan (neonat, telur, peratusan menetas, dan lain-lain) Bilangan dan sumber stok induk; dan Umur dan pengenalpastian spesies (contoh bagi nombor pengikat atau tag, transponder, tanda perbezaan). Rekod boleh dibuat secara ringkas dengan nota tulisan tangan dalam diari untuk dihuraikan dalam buku pembakaan dalam talian.
F.	Fasiliti perlu menyediakan makanan spesies khusus yang cukup bagi semua peringkat kehidupan spesimen yang disimpan. Sebagai contoh, ular sawa juvenil mungkin memerlukan mencit sementara yang dewasa memerlukan tikus atau ayam.
G.	Spesimen yang diwartakan sebagai pembiakan kurungan yang melebihi kapasiti pembiakbakaan fasiliti itu menjadi petunjuk kemungkinan ada aktiviti yang mencurigakan. Pemeriksa perlu menggunakan Kalkulator Kapasiti Pengeluaran (halaman 7) yang disediakan untuk menentukan output barangkali. Soalan ini tidak berkaitan dengan fasiliti perancoan, tetapi perlu ditanya kepada fasiliti yang mendakwa menjalankan apa jua bentuk pembiakbakaan dalam persekitaran terkawal.
H.	Spesies yang diambil dari habitat semula jadi sering menunjukkan gejala yang tidak terdapat pada spesimen kurungan, yang mungkin menyedarkan pemeriksa kepada dakwaan ianya pembiakbakaan kurungan yang berpotensi palsu. Penunjuk berkenaan termasuklah: - Stres tahap tinggi (mamalia mundar-mandir dalam sangkar, muncung ular yang terlelas, keagresifan tahap tinggi atau kepasifan dan kelesuan); - Kecacatan fizikal (parut pada kulit bagi semua spesies, karapas penyu yang patah, luka terkena jerat); dan

	Terdapat banyak parasit (sengkenit pada ular, cicak dan penyu, kutu pada mamalia dan burung) atau masalah kulit (botak/bahagian yang terdedah, keabnormalan sisik, reput cengkerang, dan lain-lain).
I.	Fasiliti yang mendakwa menghasilkan bilangan spesimen yang besar bagi spesies yang diketahui sukar untuk dibiak dan/atau dijaga dalam kurungan memerlukan proses penelitian yang lebih berbanding fasiliti pemeliharaan spesies mudah disimpan.
J.	Perdagangan spesimen dalam jumlah yang tinggi bagi fasiliti yang baru ditubuhkan mungkin menandakan ada aktiviti yang mencurigakan. Fasiliti itu seharusnya telah ditubuhkan cukup lama bagi menghasilkan anak (jika mendakwa spesimen itu adalah daripada pembiakbakaan kurungan). Sebagai contoh apabila kes melibatkan tumbesaran spesies yang perlahan atau mengambil masa bertahun untuk mencapai tahap matang, dan spesies yang menghasilkan beberapa anak untuk setiap kelahiran daripada pengeraman telur.
K.	Spesimen dalam Lampiran I CITES perlu ditandakan dengan pengecaman kekal (lihat Resolusi Conf. 12.10 (Semakan. CoP15)). Ketidakpatuhan terhadap syarat ini boleh memberi isyarat yang fasiliti itu tidak mematuhi syarat lain.

LANGKAH 3: SELEPAS PEMERIKSAAN FASILITI

1. Setelah pemeriksaan selesai, lengkapkan semula Kalkulator Kapasiti Pengeluaran (halaman 7) untuk menentukan anggaran bilangan spesimen yang perlu ada di fasiliti berkenaan, atau mampu menghasilkan, berdasarkan maklumat terkini yang dikumpulkan semasa pemeriksaan.
2. Dengan menggunakan Kalkulator Kapasiti Pengeluaran (halaman 7), serta maklumat yang dikumpul semasa pemeriksaan dan telah dimasukkan ke dalam senarai semak fasiliti dalam BORANG 4, tentukan jumlah skor fasiliti berkenaan.
3. Dengan menggunakan jumlah skor bagi fasiliti dan panduan dalam Jadual 2 di bawah, tentukan kebarangkalian fasiliti itu melakukan pembiakbakaan dan/atau perancoan spesimen dalam kurungan.
4. Dalam keadaan tertentu (contohnya, percanggahan antara bilangan anak yang dianggarkan dan diteliti, atau kekurangan infrastruktur pembiakbakaan sesuai), pelaksanaan pemeriksaan susulan yang lebih intensif dengan kehadiran wakil Pihak Berkuasa Saintifik (atau pegawai rasmi dengan kelayakan yang sesuai) untuk menilai pembiakbakaan dan/atau prestasi perancoan dengan lebih tepat melalui pengamatan rekod yang lebih teliti.

Jadual 2. Panduan membuat keputusan berdasarkan jumlah skor pada BORANG 4 pemeriksaan.

Perkara	Panduan untuk menentukan kebarangkalian kepatuhan kepada syarat CITES
<8	Mustahil fasiliti ini membiak bakakan atau menternak jumlah spesimen seperti didakwa. Pihak Berkuasa Pengurusan perlu sentiasa memantau pengendalian fasiliti. Dalam kes seperti ini, pemeriksaan yang lebih rapi perlu dijalankan dengan bantuan (yang sesuai) kepakaran tambahan. Langkah berjaga-jaga perlu dilaksanakan ketika mengeluarkan permit untuk mengeksport. Jika pemeriksaan tambahan mengesahkan ada aktiviti menyalahi undang-undang, perkara itu hendaklah dirujuk kepada pegawai penguatkuasa untuk tindakan sewajarnya.
8 – 11	Kemungkinan spesies berkenaan sedang ditenak (guna kod sumber R). Dalam kes yang mendakwa bahawa spesies membiak dalam kurungan, terdapat beberapa keraguan pada kesesuaian penggunaan kod sumber C atau D. Langkah berjaga-jaga perlu dilaksanakan ketika mengeluarkan permit untuk mengeksport. Walau bagaimanapun, skor ini hanya boleh mencerminkan pengurusan sub-optimum, dan data tambahan daripada pemeriksaan yang lebih rapi diperlukan untuk menentukan kapasiti pengeluaran dengan lebih yakin.
> 11	Kemungkinan besar fasiliti berkenaan menternak atau membiak baka haiwan dalam kurungan.